

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10 JANUARY 2017

BR1M: Hentikan fitnah komen liar

WM - 16/1/2017

Oleh FARHANA JONI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 15 JAN.

PAKATAN pembangkang yang diketuai DAP perlu berhenti membuat komen-komen liar berhubung pemberian wang Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kerana polisi program itu diakui terbaik dalam membantu golongan sasaran.

Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin berkata, perkara itu terbukti apabila bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad turut mengubah pendirian dan membuat pusingan U dengan membayangkan tidak akan menghapuskan bantuan berkenaan jika pembangkang berjaya menguasai kerajaan.

“Saya bersyukur Dr. Mahathir akhirnya mengakui polisi BR1M itu adalah yang terbaik, sekali gus kenyataan beliau itu sebenarnya mengiktiraf bahawa tindakan kerajaan BN membantu rakyat melalui pemberian wang ini adalah tepat.



Saya bersyukur Dr. Mahathir akhirnya mengakui polisi BR1M itu adalah yang terbaik, sekali gus kenyataan beliau itu sebenarnya mengiktiraf bahawa tindakan kerajaan BN membantu rakyat melalui pemberian wang ini adalah tepat.”

KHAIRY JAMALUDDIN
Ketua Pemuda UMNO

“Saya tidak akan melabelkan apa-apa terhadap tindakan Dr. Mahathir ini tetapi berharap agar semua pihak tidak lagi membuat komen bukan-bukan yang akhirnya boleh menimbulkan polemik,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyem-

purnakan Majlis Penutup Karnival Kewangan 2017 anjuran Bank Negara Malaysia (BNM) di Dewan Tun Abdul Razak 1, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Yang turut hadir Gabenor Bank Negara, Datuk Muhammad Ibrahim.

Semalam, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dalam ucapan perasmian di Stadium Melawati, Shah Alam menukar kenyataan tidak akan menghapuskan BR1M sebaliknya akan diteruskan dan diagihkan oleh pegawai kerajaan.

Dalam perkembangan lain, Khairy yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, golongan belia yang terdesak ingin menyelamatkan dunia digesa supaya tidak sesekali menyertai kumpulan militan Daesh seterusnya mengambil iktibar daripada kematian bekas pemimpin Mujahidin Malaysia, Zainuri Kamaruddin dalam pertempuran di Syria semalam.

Jelas beliau, kementerian telah

mewujudkan Program Sukarelawan Antarabangsa Belia Malaysia (MYCorps) dengan menempatkan seramai 50 sukarelawan anak muda di beberapa negara bergolak seperti Syria, Turki, Lebanon dan Jordan.

“Kesemua sukarelawan ini ditempatkan bukan untuk menjadi pengganas atau terlibat dalam kumpulan militan Daesh, sebaliknya mereka menggunakan kepakaran seperti perubatan dan fisioterapi dalam membantu pelarian-pelarian Syria.

“Insya-Allah saya akan melawat kumpulan sukarelawan ini minggu depan dan berhasrat untuk menambah lagi bilangan mereka. Jadi, anak-anak muda yang ingin membantu dunia adalah disarankan menyertai program seperti MYCorps ini,” katanya.

Zainuri, 50, atau digelar Abu Talha yang menyertai kumpulan militan IS di Syria adalah antara tiga rakyat Malaysia yang dilaporkan terbunuh akibat terkena bom sekitar pukul 12 malam semalam waktu Malaysia.